




JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

28 JUN 2024 (JUMAAT)

6 Penternak Kena Kompaun Akibat Masalah Lalat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Kes	Online	28 Jun



Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab. - Foto ihsan JPV Pulau Pinang

NIBONG TEBAL: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mengeluarkan enam kompaun terhadap penternak unggas di Seberang Perai Selatan, di sini yang tidak menguruskan sisa dengan baik hingga menyebabkan masalah lalat di daerah itu berleluasa.

Kompaun berkenaan dikeluarkan dalam pemeriksaan yang dijalankan dari 19 Februari hingga 30 April lalu.

Pengaruhnya, Dr Saira Banu Mohamed Rejab, berkata dalam pemeriksaan itu turut

menjumpai ulat 'maggot' di dalam najis ternakan, sekali gus mengundang kepada permasalahan lalat yang tidak terkawal.

"JPV Pulau Pinang telah melaksanakan pemeriksaan ladang ke ladang untuk memberikan khidmat nasihat kepatuhan kepada syarat pelesenan dan sepanjang tempoh itu juga, pihak jabatan telah mengenal pasti ladang-ladang unggas hotspot (tumpuan) dengan masalah lalat.

"Hasilnya, sebanyak enam kompaun telah dikeluarkan kepada ladang unggas atas kesalahan masalah lalat dan menjumpai maggot di dalam najis dengan nilai kompaun sebanyak RM7,500 bagi kesalahan pertama dan akan berterusan kepada RM10,000 dan RM15,000 bagi kesalahan kedua dan ketiga," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Dr Saira berkata, selain tindakan kompaun, JPVPP juga menasihatkan penternak untuk membuat semburan lalat berjadual terutamanya semasa proses pengeluaran ayam serta melaksanakan pembersihan najis segera.

Beliau berkata, pihaknya mengeluarkan lesen kepada penternak unggas yang menjalankan penternakan melebihi 10,000 ekor dan ke atas pada 19 Februari 2024.

"Sebanyak 187 ladang unggas telah dilesenkan iaitu 115 di Seberang Perai Selatan. JPVPP memberikan tempoh sehingga 30 April 2024 untuk penternak unggas yang berlesen untuk mematuhi syarat pelesenan.

"Antara syarat pelesenan utama yang perlu dipatuhi adalah pengurusan sisa unggas dengan baik," katanya.

Terdahulu, media melaporkan penduduk Sungai Bakap berharap wakil rakyat yang akan dipilih pada Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan itu pada 6 Julai ini dapat menyelesaikan permasalahan lalat yang menghantui mereka.

Ini selepas masalah serangga itu menimbulkan rasa tidak selesa termasuk boleh menjelaskan kesihatan penduduk dekat situ.-

BHONLINE

Isu Lalat Sg Bakap: Veterinar Tegas Laksana Penguatkuasaan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Online	25 Jun



Jia Xuan | KiniTV

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) mengambil tindakan tegas dan konsisten dalam menjalankan penguatkuasaan terhadap pemilik ladang unggas di seluruh negeri ini terutama di Sungai Bakap bagi memastikan tiada masalah lalat.

Pengarahnya Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata ini termasuk mengeluarkan enam kompaun sepanjang tempoh 19 Feb hingga 30 April lepas ke atas ladang unggas (ladang ternakan haiwan spesies burung seperti ayam) yang melakukan kesalahan berkaitan masalah lalat dan

berenga (maggot) dalam najis.

"Kompaun yang dikenakan adalah sebanyak RM7,500 bagi kesalahan pertama. Jika masalah yang sama masih berterusan nilai kompaun kedua adalah RM10,000 dan nilai kompaun ketiga adalah RM15,000," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata JPVPP telah mengeluarkan lesen kepada penternak unggas yang menjalankan penternakan melebihi 10,000 ekor dan ke atas pada 19 Feb lepas, melibatkan 187 ladang unggas termasuk 115 ladang

di Seberang Perai Selatan (SPS).

"Berdasarkan maklumat kami, dua daripada tiga ladang di kawasan Sungai Bakap mempunyai lesen JPVPP manakala satu lagi ladang pengusahanya memohon lewat jadi kami tangguhkan dulu lesen dan meminta ada pengurusan lalat yang baik baru luluskan lesen," katanya.

Saira Banu berkata selain tindakan kompaun, JPVPP juga telah menasihatkan penternak untuk membuat semburan lalat berjadual terutamanya semasa proses pengeluaran ayam serta melaksanakan pembersihan najis segera.

Beliau berkata JPVPP telah mengenal pasti ladang-ladang unggas yang dikesan sebagai hotspot masalah lalat dan akan terus menjalankan pemantauan ke atas ladang tersebut bagi memastikan pengusahanya mematuhi syarat lesen ditetapkan.

"Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 dan Peraturan-peraturan Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2022 telah dikuatkuasakan pada 1 Jan 2024 dan sebelum penguatkuasaan enakmen ini, perundangan ini adalah sepenuhnya di bawah pihak

berkuasa tempatan.

"Antara syarat pelesenan utama yang perlu dipatuhi adalah pengurusan sisa unggas dengan baik," katanya.

Semalam media melaporkan masalah lalat sinonim dalam kalangan penduduk yang menetap di Sungai Bakap sejak bertahun lalu dan tidak dapat dihindari.

Biarpun berlaku mengikut musim tertentu namun itu tetap merisaukan masyarakat, terutamanya peniaga kecil kerana gangguan lalat dikhuatiri menjelaskan kualiti makanan seterusnya mengundang masalah kesihatan terhadap pelanggan.-[MALAYSIAKINI](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR